



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	12/8/2014

Syor tambah rumah mampu milik

(BH-12/8/2014)

» CUEPACS
minta kerajaan
pertimbang
beri bonus
dua bulan

Oleh Zulfaizan Mansor
zulfaizan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) mencadangkan kerajaan menambah pembinaan unit rumah mampu milik pada pembentangan Bajet 2015.

Presidennya, Azih Muda, berkata cadangan penambahan rumah mampu milik bagi tempoh

lima tahun akan datang itu dibuat selepas lebih lima juta rakyat negara ini khususnya kakitangan awam, belum memiliki rumah.

Katanya, kerajaan juga perlu terbabit secara langsung dalam pembinaan rumah itu dan tidak menyerahkan usaha itu sepenuhnya kepada sektor swasta bagi mengelakkan manipulasi harga yang lebih tinggi.

Bayaran balik 35 tahun

"Kerajaan sudah ada komitmen untuk membina kira-kira sejuta unit rumah mampu milik menerusi bajet sebelum ini tetapi kita jangka yang belum memiliki rumah tidak kurang lima juta orang.

"CUEPACS hanya mencadangkan dan terpulang kepada kerajaan untuk menentukan jumlah penambahan itu, tapi biarlah ia mampu menampung perminta-

#Bajet2015 dilancar

Kuala Lumpur: Laman mikro #Bajet2015 dilancarkan semalam, bagi membolehkan rakyat memberi pandangan mengenai Bajet yang akan dibentangkan pada 10 Oktober depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata laman

mikro itu sudah dilancarkan secara rasmi dan pihaknya menanti cadangan serta idea untuk membina masa depan negara.

"Kunjungi laman ini di <http://on.fb.me/1rhpx3s>," katanya dalam catatan akaun Facebook beliau, semalam.

an rakyat.

"Hampir 50 peratus kakitangan awam terdiri daripada kumpulan belia yang bekerja kurang 10 tahun dan belum mampu membeli rumah, sebab itu kita cadang kerajaan menggandakan jumlah pembinaan rumah mampu milik dalam tempoh lima tahun akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyerahan cek sumbangan ahli gabungan CUEPACS kepada Mercy Malaysia dan dua sekolah pondok, Pusat Tarbiah Islamiah Darul Atiq dan Maahad Tahfiz Akademi Iqro' Al-Quran di Wisma CUEPACS, di sini, semalam.

Azih berkata, CUEPACS juga

meminta kerajaan memanjangkan tempoh pembayaran balik pinjaman perumahan kepada 35 tahun berbanding 30 tahun ketika ini bagi mengurangkan beban perbelanjaan bulanan yang terpaksa ditanggung peminjam.

Katanya, elaun perumahan kakitangan awam juga wajar dinaikkan kepada kadar lebih tinggi dan mampu menyewa rumah tanpa menggunakan gaji asas.

Dalam perkembangan berkaitan, CUEPACS menuntut kerajaan mempertimbangkan pemberian bonus dua bulan untuk 1.5 juta kakitangan awam dalam pembentangan Bajet 2015.

"Kita akan menghantar surat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam masa terdekat dan bonus itu adalah sebagai menghargai jasa kakitangan awam selaku pemacu pembangunan ekonomi negara," katanya.